

10 JUL 1998

Komanwel-Suria

300 ELEKTRIKSURIA SIAP UNTUK SUKAN KOMANWEL KUALA LUMPUR '98

IPOH, 10 Julai (Bernama) -- Elektriksuria, kereta elektrik pertama Malaysia, akan digunakan secara meluas di semua venue Sukan Komanwel ke-16 Kuala Lumpur '98, mulai esok.

Pengerusi Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia (POEM), Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali berkata, 50 unit akan diserahkan kepada penganjur KL '98, SUKOM Ninety Eight Bhd, esok, bersempena bermulanya pra-Sukan Komanwel dan perasmian Kompleks Sukan Bukit Jalil oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

POEM akan menyerahkan 250 unit lagi elektriksuria untuk digunakan sepanjang 11 hari temasya Kuala Lumpur '98, September ini, katanya kepada pemberita selepas menandatangani perjanjian antara POEM dengan Teknocraft Sdn Bhd yang mengilang dan membekal badan kereta itu.

Tajuddin menandatangani perjanjian bernilai kira-kira RM200 juta itu bagi pihak POEM manakala Teknokraft diwakili Pengarah Urusannya, Azhar Ibrahim.

POEM yang berhasrat menjadi pengeluar kereta nasional ketiga di negara ini dimiliki oleh Tenaga Nasional Bhd (TEN) melalui ekuiti sebanyak 50 peratus, Frazer-Nash Research Limited United Kingdom (40 peratus) dan 10 peratus lagi dimiliki oleh Composite Automotive Research (CAR) dan Tan Sri Basir Ismail.

Menurut Tajuddin, 70 unit kereta elektrik itu akan diwarnakan mengikut bendera negara-negara yang mengambil bahagian pada sukan kedua terbesar di dunia itu.

Selebihnya akan diwarnakan mengikut lambang korporat syarikat-syarikat yang menaja sukan berkenaan, katanya.

Beliau berkata, POEM berpuas hati dengan mutu keluaran Teknocraft itu yang turut mendapat pujian Frazer-Nash selain kemampuan syarikat itu mengilang komponen itu dengan cepat.

Mengenai kelulusan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Tajuddin berkata, kereta yang tidak mengeluarkan bunyi bising serta tidak mengeluarkan asap itu sudah mendapat kelulusan JPJ bagi kegunaan secara terhad iaitu di semua jalan kecuali lebuh raya.

Tajuddin berkata, elektriksuria tidak akan bersaing dengan kereta nasional seperti Kancil dan Proton kerana ia terhad untuk jarak 100 km sahaja dan perlu dicaj semula selepas itu.

--BERNAMA

LAT ZB